

# UPHAMOL SUSPENSION 250

Paracetamol (250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Uphamol Suspension
2. Bagaimana Uphamol Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Uphamol Suspension
4. Cara menggunakan Uphamol Suspension
5. Semasa menggunakan Uphamol Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan Uphamol Suspension

Uphamol Suspension digunakan untuk melegakan kesakitan, demam, ketidakselesaan semasa pertumbuhan gigi, sakit kepala, sakit gigi, sakit telinga, selsema, demam selsema dan tindak balas selepas suntikan vaksin.

## Bagaimana Uphamol Suspension berfungsi

Uphamol Suspension mengandungi paracetamol sebagai bahan aktif. Paracetamol melegakan kesakitan dan mengurangkan suhu badan tinggi.

## Sebelum menggunakan Uphamol Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan ubat ini jika anak anda alah terhadap

- paracetamol
- sebarang bahan kandungan lain yang disenaraikan di akhir risalah ini

Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan alahan kulit yang teruk, seperti kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Tanda-tanda tersebut mungkin menunjukkan keadaan yang serius. Jika tindak balas sedemikian berlaku, hentikan pengambilan dan

mendapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Jangan menggunakan Uphamol Suspension jika anak anda mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol.

Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh luput pada pek ini atau jika terdapat tanda dibuka atau koyakan pada bungkusan. Jika ia sudah luput atau rosak, kembalikan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anak anda patut mula menggunakan ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum menggunakan Uphamol Suspension

Beritahu doktor anda jika anak anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan pengawet atau pewarna.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan.

Jika simptom-simptom berlarutan, sila dapatkan nasihat dari doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anak anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan Uphamol Suspension boleh bertindak balas antara satu sama lain.

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat lain yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil Uphamol Suspension.

## Cara menggunakan Uphamol Suspension

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

Arahan-arahan ini mungkin berbeza daripada informasi yang terkandung dalam risalah ini.

Sekiranya anda tidak faham arahan pada pek, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak umur 1 hingga 5 tahun:

Ambil ½ hingga 1 sudu teh (2.5 hingga 5ml)

Kanak-kanak umur 6 hingga 12 tahun:

Ambil 1 hingga 2 sudu teh (5 hingga 10ml).

- Bila perlu digunakan

Ambil Uphamol Suspension setiap 4 hingga 6 jam atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat ini melebihi 4 kali sehari dan jangan melebihi sukatan yang dicadangkan kecuali dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Ambil Uphamol Suspension secara berterusan seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat seperti biasa.

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang terlupa dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama. Ini mungkin meningkatkan peluang anda mendapat kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anak anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Uphamol Suspension, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Tanda-tanda dan gejala-gejala terlebih dos termasuk:

- Muntah, loya ringan, gangguan gastrousus
- Tekanan darah rendah
- hilang atau tiada selera makan
- Cirit-birit

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anak anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

**Semasa menggunakan Uphamol Suspension**

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang sedang merawat anak anda bahawa anak anda sedang mengambil Uphamol Suspension.

Jika anak anda akan mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor dan ahli farmasi anda bahawa anak anda sedang mengambil Uphamol Suspension.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil Uphamol Suspension untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anak anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak.

Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang kebimbangan mengenai kesan mengambil ubat ini.

Apabila ambil seperti yang diarahkan kesan yang tidak diingini daripada Uphamol 250 adalah jarang dan biasanya ringan. Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, bengkak di bawah kulit, *Stevens Johnson Syndrome/ Toxic Epidermal Necrolysis* telah dilaporkan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anak anda rasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

**Cara penyimpanan dan pelupusan Uphamol Suspension**

- Penyimpanan

Simpan bekas tertutup rapat. Ubat anda dalam peknya sehingga tiba masa untuk mengambilnya.

Simpan ubat anda di tempat yang kering suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Uphamol Suspension atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anak anda berhenti mengambil Uphamol Suspension atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Uphamol Suspension 250 (Fruity)  
Ampaian berwarna merah jambu, berperisa buah-buahan.

Uphamol Suspension 250 (Orange)  
Ampaian berwarna oren, berperisa oren.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:  
Setiap 5ml sirap mengandungi 250mg paracetamol.

Bahan tidak aktif:  
Uphamol Suspension 250 (Fruity)

- Glycerine
- Methylparaben,
- Propylparaben
- Saccharin Sodium
- Sugar
- Sorbitol Solution
- Tragacanth Gum
- Banana Essence
- Ponceau 4R
- Condensed Milk Flavour
- Simethicone
- Trisodium Citrate

Uphamol Suspension 250  
(Orange)

- *FD & C Yellow No.6*
- *Methylparaben,*
- *Propylparaben*
- Saccharin Sodium
- Sugar
- Sorbitol Solution
- Tragacanth Gum
- Simethicone
- Trisodium Citrate
- Orange Essence
- Glycerine

- *Nombor MAL*

Uphamol Suspension 250  
(Fruity)  
MAL19991448XZ

Uphamol Suspension 250  
(Orange)  
MAL19991447XZ

**Pengilang**

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn  
Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Upha Pharmaceutical Mfg (M) Sdn  
Bhd (53667-M)  
Lot 2&4, Jalan P/7, Section 13,  
Bangi Industrial Estate,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
11/05/2018

**Nombor Siri:**

NPRA (R4/1)080518/00144